

Ulasan Perniagaan - Bahagian Pelaburan



MOHAMAD NASIR AB LATIF
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Bahagian Pelaburan bertanggungjawab mengurus dana Pelaburan KWSP berpaksikan dua objektif utama pelaburan jangka panjang iaitu:-

1. Untuk melindungi dan menambah nilai simpanan ahli
2. Untuk memastikan pulangan yang stabil dan konsisten untuk jangka panjang berdasarkan had risiko yang ditetapkan.

Dalam memastikan objektif ini tercapai, kami mempunyai dua sasaran strategik pelaburan; mengisytiharkan dividen nominal sekurang-kurangnya 2.50% pada setiap tahun dan mensasarkan sekurang-kurangnya dividen sebenar 2.00% melebihi inflasi bagi purata tiga tahun berturut-turut.

Bahagian ini terdiri daripada pelbagai jabatan yang bertanggungjawab bagi pengurusan dana, penyelidikan dan analisis bagi setiap kelas aset untuk memastikan pelaburan kami kekal berhemah dan kepentingan ahli KWSP adalah terjamin serta pada masa yang sama menjana pendapatan yang konsisten dan pertumbuhan yang optimum.

SOROTAN PELABURAN

Sebagai sebuah dana persaraan, kita telah merangka pelan pelaburan jangka panjang, dengan melabur menggunakan pendekatan diversifikasi kelas multi aset selaras dengan Alokasi Aset Strategik (SAA). Bersesuaian dengan profil pulangan risiko KWSP, sebahagian besar aset pelaburan kekal dalam pelaburan berisiko rendah iaitu instrumen berpendapatan tetap yang menawarkan aliran pendapatan yang stabil dalam jangka masa panjang, diikuti oleh ekuiti dan kelas aset inflasi.

Sehingga Disember 2014, jumlah nilai aset pelaburan KWSP adalah sebanyak RM636.53 bilion. Daripada jumlah tersebut, 50.9% telah dilaburkan dalam instrumen berpendapatan tetap, 42.4% dalam pelaburan ekuiti, dan baki 3.7% dan 3.0% masing-masing dalam instrumen pasaran wang dan kelas aset inflasi.

Ekoran persekitaran kadar faedah semasa yang rendah dan ketidak tentuan ekonomi dan pasaran modal, kami terus meningkatkan dan mempelbagaikan pelaburan dalam kelas aset inflasi yang terdiri daripada hartanah, infrastruktur dan sumber semula jadi. Kelas aset ini berfungsi sebagai mekanisma lindung nilai terhadap inflasi selaras dengan objektif jangka panjang kami. Pada tahun yang diulas, pendedahan kelas aset inflasi melalui portfolio hartanah luar negara telah meningkat sebanyak 33.3% atau RM4.79 bilion kepada RM19.18 bilion pada Disember 2014.

Pelaburan domestik kekal sebagai strategi dan bahagian utama kepada pelaburan KWSP dan pada masa yang sama tambahan USD7,231 juta suntikan baru telah dibuat untuk portfolio luar negara pada tahun yang dilaporkan. Daripada jumlah itu, hampir separuh daripada suntikan telah disalurkan kepada pelaburan ekuiti terutamanya dalam saham yang disenaraikan, 32% dalam instrumen berpendapatan tetap manakala baki 21% dalam hartanah dan infrastruktur. Pada akhir tahun 2014, portfolio ini mewakili 23% daripada jumlah saiz pelaburan KWSP dan menyumbang 33% kepada jumlah keseluruhan pendapatan pelaburan kasar 2014.

Secara keseluruhan, lebih kurang 85% pelaburan KWSP diuruskan secara dalaman. Bagi tahun 2014, kami menyalurkan dana tambahan sebanyak RM6,297 juta kepada pengurus dana luaran bagi pelaburan ekuiti dan instrumen pendapatan tetap untuk kedua-dua mandat domestik dan global. Kami menetapkan standard prestasi yang tinggi ke atas pengurus dana luar kami dan memastikan mereka terus memberikan komitmen penuh dalam menguruskan dana secara profesional dan berhemah. Kami akan terus menyalurkan sebahagian dana sebagai salah satu inisiatif diversifikasi bagi menyokong pembangunan industri pengurusan aset terutamanya pasaran di Malaysia.



- ★ **Sungguhpun berhadapan dengan tahun mencabar, KWSP mengekalkan momentum seperti tahun sebelumnya dengan mencapai Pulangan Pelaburan (ROI) tahunan sebanyak 7.25%.**
- ★ **Jumlah pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM39.08 bilion meningkat sebanyak 11.65% berbanding 2013. Sebanyak RM22.91 bilion adalah daripada Ekuiti, RM14.15 bilion daripada Instrumen Berpendapatan Tetap, RM1.39 bilion daripada Hartanah & Infrastruktur dan RM0.62 bilion daripada Instrumen Pasaran Wang.**
- ★ **Kami mengisytiharkan kadar dividen bagi tahun 2014 sebanyak 6.75%, 40 mata asas lebih tinggi berbanding 6.35% pada tahun sebelumnya.**
- ★ **Sejak tahun 2011 sehingga 2014 pelaburan luar negara telah merekodkan ROI tahunan yang memberangsangkan iaitu masing-masing sebanyak 6.90%, 7.13%, 8.89% dan 10.45%; sekaligus menambah nilai pada ROI keseluruhan KWSP.**

Ulasan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)

ALOKASI ASET STRATEGIK (SAA)

Dalam usaha memastikan keberkesanan SAA dan sentiasa berpadanan dengan pasaran semasa, kami telah mengkaji semula rangka kerja SAA bagi tempoh 2014 hingga 2016. Semakan terbaru meliputi butiran yang lebih menyeluruh dan terperinci bagi setiap portfolio berbanding SAA sebelumnya. SAA bagi instrumen berpendapatan tetap telah dikurangkan daripada 55% kepada 51% manakala bagi ekuiti, menurun daripada 37% sebelum ini kepada 36%. Walaupun kami menyasarkan pengurangan peratusan peruntukan untuk kedua-dua kelas aset, ianya akan terus merekodkan peningkatan pada saiz kelas aset namun pada kadar yang lebih rendah.

Kami juga telah menambah peruntukan peratusan pendedahan kami untuk kelas aset inflasi kepada 10% daripada 5% sebelum ini. Daripada peratusan ini, 6% adalah untuk hartanah dan 4% untuk infrastruktur dan sumber-sumber semula jadi.

Selaras dengan cadangan SAA, kelulusan daripada Menteri Kewangan juga telah diperolehi untuk meningkatkan pendedahan pelaburan luar negara sehingga 26% daripada jumlah saiz dana pelaburan. Kelulusan sebelumnya adalah sehingga 23% seperti yang disyorkan oleh SAA 2011-2013.


Selain daripada SAA, KWSP telah melaksanakan Alokasi Aset Taktikal (TAA) dan Alokasi Aset Dinamik (DAA) program yang berfungsi sebagai petunjuk berstruktur yang bertindak balas kepada keadaan pasaran semasa.

PELABURAN ESG


KWSP telah mengguna pakai amalan pelaburan beretika dalam semua pelaburannya sejak tahun 2000. Pada 2015, KWSP akan melaksanakan prinsip Environmental, Social and Governance (ESG), bermula dengan usaha penapisan untuk instrumen berpendapatan tetap dan diikuti oleh kelas aset lain. ESG adalah lanjutan kepada amalan pelaburan semasa KWSP yang mana antara lain bertujuan mempraktikkan pelaburan yang beretika dan bertanggungjawab.

Menerusi kerjasama dengan pakar dalam pelaburan ESG, kami dapat menapis pelaburan dalam perniagaan yang terlibat dengan aktiviti tidak beretika seperti perjudian, hiburan dewasa dan alkohol/arak atau membuat, mengedar dan memasarkan senjata api atau peralatan ketenteraan. Kriteria ESG diambil kira semasa analisis dan proses membuat keputusan diikuti pemantauan berterusan ke atas pelaburan KWSP dengan mematuhi prinsip ESG.

ALOKASI ASET STRATEGIK (SAA) BERDASARKAN KELAS ASET UTAMA



KEDUDUKAN PELABURAN KWSP BERDASARKAN KELAS ASET UTAMA MENURUT NILAI BUKU



Ulaskan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)

PULANGAN PELABURAN DAN DIVIDEN

Tahun 2014 merupakan tahun yang mencabar bagi kami terutamanya pada penghujung tahun yang menyaksikan penyusutan dalam harga minyak global dan kejatuhan nilai ringgit berbanding US dollar pada suku keempat. Walau bagaimanapun, kami berupaya melalui ketidaktentuan ekonomi dan pasaran modal terutamanya pasaran global melalui strategi pendiversifikasian yang berhemah. Sepanjang tahun 2014, jumlah pendapatan pelaburan kasar yang dicatat oleh KWSP adalah sebanyak RM39.08 bilion. Jumlah ini adalah 11.65% lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya.

Pencapaian pendapatan kasar bagi tahun 2014 telah didorong terutamanya oleh kelas aset ekuiti domestik dan luar negara yang turut merangkumi kedua-dua pasaran negara maju dan negara membangun. Kelas aset ini mencatatkan pendapatan pelaburan sebanyak RM22.91 bilion pada 2014, meningkat 17.4% berbanding dengan RM19.52 bilion pada tahun 2013, dan menyumbang 58.6% kepada jumlah pendapatan pelaburan kasar pada tahun 2014. Hampir separuh daripada pendapatan pelaburan ekuiti diperolehi daripada portfolio pelaburan luar negara.

Pelaburan dalam instrumen berpendapatan tetap terus menyumbang kepada aliran pendapatan yang stabil. Kelas aset ini yang terdiri daripada SKM & sama taraf dan Pinjaman & Bon yang kedua-duanya menyumbang sejumlah 36.2% kepada RM39.08 bilion yang dicatatkan bagi tahun ini. Kelas aset inflasi pula menyumbang sebanyak RM1.39 bilion kepada pendapatan pelaburan pada tahun 2014 dengan pertumbuhan tahunan sebanyak 22.3% berbanding 2013.


Jumlah pendapatan pelaburan kasar yang dicatatkan adalah bersamaan dengan ROI sebanyak 7.25%, 28 mata asas lebih tinggi berbanding 6.97% pada tahun 2013. Selaras dengan sumbangan pendapatan dari ekuiti, kelas aset ini yang telah mencatatkan ROI sebanyak 11.29%, menjadikan 2014 ini tahun keempat berturut-turut di mana pelaburan ekuiti mencatatkan ROI dua digit (2011: 10.06%, 2012: 11.12%, 2013: 11.31%).

Instrumen berpendapatan tetap terus mencatatkan ROI yang kompetitif iaitu sebanyak 5.13%, kekal tinggi berbanding kadar faedah semasa di kedua-dua pasaran domestik dan global. Kelas aset Inflasi dan instrumen pasaran wang masing-masing mencatatkan ROI sebanyak 8.92% dan 3.04%.

Setelah mengambil kira peruntukan rugi terjejas, rugi tidak nyata disebabkan pergerakan pertukaran mata wang asing dan harga bagi instrumen derivatif, perbelanjaan pelaburan dan operasi, caj berkanun termasuk dividen untuk pengeluaran, kami telah mengisytiharkan kadar dividen bagi tahun 2014 adalah sebanyak 6.75%, 40 mata asas lebih tinggi berbanding dengan 6.35% pada tahun sebelumnya. Ini adalah kadar tertinggi yang pernah kami isytiharkan dalam alaf baru ini. Kadar dividen ini juga selaras dengan sasaran strategik pelaburan kami iaitu dividen nominal sekurang-kurangnya 2.50% pada setiap tahun dan sekurang-kurangnya dividen sebenar 2.00% melebihi inflasi bagi purata tiga tahun berturut-turut. Dividen 2014 yang diisytiharkan bersamaan dengan dividen benar 4.11% melebihi inflasi bagi purata tiga tahun berturut-turut, 211 mata asas lebih tinggi daripada sasaran.

ASET PELABURAN VS PULANGAN PELABURAN (ROI)


ASET PELABURAN (RM BILION)



Aset Pelaburan (RM Bilion)

| 2014 (%) | 2013 (%) | KELAS ASET |
|---------------|---------------|---|
| 164.16 | 156.05 | Sekuriti Kerajaan Malaysia & Bon Sama Taraf |
| 159.90 | 154.76 | Pinjaman & Bon |
| 269.63 | 251.60 | Ekuiti |
| 19.18 | 14.39 | Hartanah & Infrastruktur |
| 23.67 | 13.08 | Instrumen Pasaran Wang |
| 636.53 | 589.87 | Jumlah |

PULANGAN PELABURAN (ROI %)



Pulangan Pelaburan (ROI %)

| 2014 (%) | 2013 (%) | KELAS ASET |
|-------------|-------------|---|
| 4.28 | 4.28 | Sekuriti Kerajaan Malaysia & Bon Sama Taraf |
| 5.13 | 5.08 | Pinjaman & Bon |
| 11.29 | 11.31 | Ekuiti |
| 8.92 | 9.97 | Hartanah & Infrastruktur |
| 3.04 | 2.97 | Instrumen Pasaran Wang |
| 7.25 | 6.97 | Jumlah |

Ulasan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)

FOKUS ARTIKEL

PENCAPAIAN GLOBAL

Pelaburan Luar Negara

Melabur di pasaran luar negara adalah sebahagian daripada strategi diversifikasi KWSP. Saiz dana kami terus berkembang pada kadar purata sebanyak 10% dan 11% setahun, mengatasi kadar pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahunan di antara 4% hingga 6%. Ini memberi kesan terhadap dana sebesar KWSP yang berhadapan dengan kekangan kecairan dalam pasaran domestik seterusnya menjadi faktor utama mendorong KWSP untuk melabur di luar negara. Di samping itu, inisiatif ini dapat memberikan kami akses kepada peluang pelaburan yang lebih luas dengan profil risiko-pulangan yang lebih baik atau sekurang-kurangnya sama berbanding dengan pelaburan domestik.

Program pelaburan luar negara KWSP telah bermula pada tahun 1996 melalui pelaburan dalam ekuiti persendirian. Sejak itu, kami telah meningkatkan lagi pendedahan luar negara dengan pelaburan ekuiti bagi saham tersenarai pada tahun 2006, diikuti dengan pelaburan instrumen berpendapatan tetap dan hartanah pada tahun 2010. Sehingga kini pendedahan pelaburan luar negara KWSP secara purata telah meningkat sebanyak 23% setahun sejak 2006, daripada RM2.99 bilion kepada RM145.29 bilion pada akhir tahun 2014.

Menyedari keperluan KWSP kepada pelaburan pasaran antarabangsa, kerajaan dengan kelulusan daripada Menteri Kewangan secara beransur-ansur telah meningkatkan had pendedahan bagi pelaburan luar negara KWSP dari 20% pada 2011 kepada 26% untuk tempoh 2014 sehingga 2016. Setakat Disember 2014, jumlah pendedahan KWSP di luar negara adalah 23% dari jumlah aset pelaburannya di mana 18% telah dilaburkan dalam ekuiti bagi saham tersenarai, 3% dalam bon dan bakinya dilaburkan dalam hartanah serta ekuiti persendirian.

Sepanjang tahun laporan, AS7,231 juta suntikan dana baru telah disalurkan ke dalam portfolio pelaburan luar negara. Daripada amaun tersebut, sejumlah AS2,687 juta disuntik dalam portfolio ekuiti bagi saham tersenarai, AS2,312 juta dalam bon, AS1,444 juta di dalam hartanah, manakala baki sebanyak AS748 juta dan AS39 juta masing-masing dalam ekuiti persendirian serta infrastruktur.

Pada masa ini, KWSP mempunyai pendedahan pelaburan di lebih 30 buah negara, merangkumi kedua-dua pasaran maju dan pasaran baru membangun. KWSP baru-baru ini telah merasmikan pembukaan Kwasa Invest, pejabat luar negara yang pertama di London. Syarikat subsidiari milik penuh KWSP ini berfungsi sebagai hab penyelidikan bagi hartanah luar negara dan ekuiti bagi kedua-dua saham tersenarai dan persendirian. Dengan perasmian pejabat kami di London, kami berupaya untuk mendapatkan liputan pasaran global yang lebih baik terutamanya di United Kingdom dan Eropah serta akses kepada peluang-peluang pelaburan yang diperlukan bagi memastikan pertumbuhan dana yang mampan dan menjamin pulangan jangka panjang yang konsisten.

Dalam usaha kami meningkatkan pendedahan pelaburan luar negara, pelaburan domestik terus kekal penting dan bahagian utama dalam struktur pelaburan kami di mana saiz portfolio tersebut secara konsisten mencatatkan peningkatan yang memberangsangkan pada kadar 7% setiap tahun sejak tahun 2006.

Sejak empat tahun terdahulu, pelaburan luar negara KWSP secara keseluruhannya telah memberi nilai tambah kepada keseluruhan pulangan pelaburan KWSP. Setakat Disember 2014, pendapatan pelaburan kasar bagi portfolio ini mewakili 33% daripada RM39.08 bilion yang dicatatkan walaupun pendedahannya hanya 23% daripada RM636.53 bilion jumlah dana pelaburan KWSP. Ini juga boleh dilihat melalui Pulangan atas Pelaburan (ROI) di mana portfolio ini secara berterusan telah menambah nilai kepada ROI tahunan keseluruhan pelaburan KWSP dari 2 mata asas pada tahun 2011 kepada 91 mata asas pada tahun 2014. Sejak tahun 2011 sehingga 2014 pelaburan luar negara telah merekodkan ROI tahunan yang memberangsangkan iaitu masing-masing sebanyak 6.90%, 7.13%, 8.89% dan 10.45%.

Hartanah Luar Negara & Infrastruktur

Susulan pendedahan pelaburan yang tinggi dalam instrumen berpendapatan tetap berbanding ekuiti, pulangan KWSP secara semula jadinya adalah dipengaruhi oleh pergerakan kadar faedah dan inflasi. Sejak tahun 2009, kami terus melabur dan telah mempelbagaikan lagi pelaburan kami dalam kelas aset inflasi yang terdiri daripada Hartanah dan Infrastruktur. Pelaburan ini berfungsi sebagai mekanisme lindung nilai terhadap inflasi di samping menyokong program diversifikasi pelaburan kami. Kami telah memperuntukkan 10% (5% sebelum ini) daripada pelaburan kami di dalam kelas aset ini yang mana 7% peruntukan adalah untuk portfolio luar negara sejajar dengan SAA semasa.

Sejak empat tahun lalu, pelaburan hartanah dan infrastruktur luar negara telah meningkat secara purata lebih daripada 50% setahun di mana setakat Disember 2014, portfolio ini mewakili RM11.27 bilion atau 1.77% daripada jumlah aset pelaburan KWSP. Secara kumulatifnya bagi tahun laporan, pendapatan daripada pelaburan ini berjumlah RM1,068 juta adalah lebih tinggi berbanding RM504 juta yang dicatat pada 2013. Jumlah ini adalah 2% daripada jumlah keseluruhan pendapatan pelaburan kasar KWSP pada tahun 2014. Daripada amaun ini, 78% adalah dijana oleh pelaburan hartanah manakala baki adalah daripada infrastruktur.

Selaras dengan pertumbuhan portfolio ini, kami telah meningkatkan pendedahan bukan sahaja di UK dan Australia malah kini meliputi Perancis serta Jerman pada 2014.


Walaupun pelaburan luar negara menunjukkan peningkatan, kita terus berpegang kepada strategi pelaburan yang konservatif dan berhemah. Proses pelaburan dan rangka kerja yang ketat dilaksanakan bagi memastikan objektif dana dapat dipenuhi serta menjamin kepentingan ahli-ahli KWSP.

Ulasan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)

FOKUS ARTIKEL

PELABURAN LUAR NEGARA

Sorotan utama




Ulaskan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)


FOKUS ARTIKEL

PELABURAN LUAR NEGARA

Pelaburan Luar Negara Alokasi Aset Strategik (SAA)



Pelaburan Luar Negara vs Pelaburan Domestik




Ulakan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)


FOKUS ARTIKEL

PELABURAN LUAR NEGARA VS PELABURAN DOMESTIK


KEDUDUKAN PELABURAN



KEDUDUKAN PELABURAN BERDASARKAN ASET KELAS (NILAI BUKU)



PENDAPATAN KASAR 2014



Ulasan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)

FOKUS ARTIKEL

PELABURAN LUAR NEGARA

Alokasi Luar Negara

PELABURAN PENDAPATAN TETAP

I. PASARAN NEGARA MAJU

Amerika Syarikat

United Kingdom

Australia

Jepun

Perancis

Jerman

Switzerland

Kanada

Sepanyol

Itali

Belanda

Sweden

New Zealand

Negara Eropah Lain

II. PASARAN ASIA DAN NEGARA MEMBANGUN (TIDAK TERMASUK JEPUN)

Singapura

China

Thailand

Korea Selatan

Hong Kong

UAE

Qatar

Arab Saudi

Bahrain

Amerika Latin (Mexico, Brazil)

Afrika Selatan

Rusia

PELABURAN EKUITI

I. PASARAN NEGARA MAJU

Amerika Syarikat

United Kingdom

Australia

Jepun

Perancis

Jerman

Switzerland

Kanada

Sepanyol

Itali

Belanda

Sweden

Negara Eropah Lain

II. PASARAN ASIA DAN NEGARA MEMBANGUN (TIDAK TERMASUK JEPUN)

Singapura

China

Thailand

Korea Selatan

Indonesia

Taiwan

Hong Kong

Filipina

India

Afrika Selatan

HARTANAH & INFRASTRUKTUR

I. PASARAN NEGARA MAJU

Amerika Syarikat

United Kingdom

Australia

Jerman

Perancis


II. PASARAN ASIA DAN NEGARA MEMBANGUN (TIDAK TERMASUK JEPUN)

Singapura

China



Ulasan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)




Ulasan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)

FOKUS ARTIKEL


PELABURAN LUAR NEGARA

Prestasi Pelaburan Luar Negara 2011-2014 berdasarkan pulangan pelaburan (ROI%)




2011

ROI Luar Negara **6.90%**
 Tambahan nilai 2 mata asas kepada ROI keseluruhan




2012

ROI Luar Negara **7.13%**
 Tambahan nilai 5 mata asas kepada ROI keseluruhan



2013


ROI Luar Negara **8.89%**
 Tambahan nilai 47 mata asas kepada ROI keseluruhan



2014

ROI Luar Negara **10.45%**
 Tambahan nilai 91 mata asas kepada ROI keseluruhan

■ Domestik ■ Luar Negara




Ulakan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)

FOKUS ARTIKEL

PELABURAN LUAR NEGARA

Pelaburan Luar Negara Mengikut Pasaran (3 Teratas)



PASARAN NEGARA MAJU

| | |
|--------------------------|--------------|
| Pendapatan Tetap | 5.7% |
| Ekuiti | 32.3% |
| Hartanah & Infrastruktur | 6.93% |
| Jumlah | 45.0% |

PASARAN ASIA DAN NEGARA MEMBANGUN (TIDAK TERMASUK JEPUN)


| | |
|--------------------------|--------------|
| Pendapatan Tetap | 6.1% |
| Ekuiti | 37.5% |
| Hartanah & Infrastruktur | 0.4% |
| Jumlah | 44.0% |

Ulasan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)

FOKUS ARTIKEL

PELABURAN LUAR NEGARA – HARTANAH

Pelaburan Hartanah Luar Negara Mengikut Negara




| NEGARA | JUMLAH ASET / PROJEK |
|---------------|----------------------|
| UK | 28 |
| Australia | 13 |
| Jerman | 12 |
| Singapura | 1 |
| Perancis | 1 |
| Jumlah | 55 |

* Tambahan 1.9% diperuntukkan melalui pelaburan dana

Ulaskan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)


SOROTAN

Aset Pelaburan KWSP



Bahagian Dalam : 2013 Jumlah Aset Pelaburan RM589.87 Bilion
Bahagian Luar : 2014 Jumlah Aset Pelaburan RM636.53 Bilion

Pendapatan Kasar



Bahagian Dalam : 2013 Jumlah Pendapatan Kasar RM35,000.36 Juta
Bahagian Luar : 2014 Jumlah Pendapatan Kasar RM39,076.48 Juta

Ulasan Perniagaan - Bahagian Pelaburan (Samb.)

SEKURITI KERAJAAN MALAYSIA & BON SAMA TARAF (SKM)

Pegangan KWSP dalam SKM & sama taraf adalah berjumlah RM164.16 bilion pada 31 Disember 2014, RM8.11 bilion atau 5.2% lebih tinggi berbanding dengan tahun sebelumnya. Kelas aset ini mewakili 25.80% daripada jumlah pelaburan kami, sedikit menurun berbanding 26.46% pada tahun 2013.

Kelas aset ini mencatatkan pendapatan pelaburan kasar adalah sebanyak RM6.59 bilion, meningkat sebanyak 6.1% berbanding RM6.21 bilion pencapaian pada tahun 2013. Peningkatan pendapatan ini adalah sejajar dengan peningkatan tahun ke tahun yang dicatat bagi saiz kelas aset. Portfolio ini turut mencatatkan ROI yang sama seperti tahun lalu iaitu 4.28%.

PINJAMAN & BON

Saiz kelas aset yang secara keseluruhannya meliputi kedua-dua portfolio domestik dan global telah meningkat dari RM154.76 bilion kepada RM159.90 bilion berbanding tahun 2013. Walaupun terdapat beberapa langganan baru telah dilaksanakan oleh portfolio domestik, terdapat juga sejumlah instrumen yang matang dan pembayaran balik ke atas pinjaman sepanjang tahun 2014. Pada tahun ini, kami telah menyuntik dana tambahan kepada portfolio berpendapatan tetap luar negara, yang diuruskan oleh kedua-dua pengurus dana dalaman dan luaran. Suntikan ini menyumbang kepada pertumbuhan tahunan terhadap saiz kelas aset ini secara keseluruhan.

Pendapatan pelaburan kasar yang dicatatkan oleh Pinjaman & Bon adalah sebanyak RM7.57 bilion, meningkat 0.7% atau RM55.87 juta berbanding RM7.51 bilion pada tahun 2013. ROI juga menunjukkan peningkatan, daripada 5.08% pada tahun 2013 kepada 5.13% pada tahun 2014. Pelaburan luar negara bagi kelas aset ini telah menambah nilai sebanyak 7 mata asas pada tahun 2014.

EKUITI

Kami terus meningkatkan pegangan kami dalam portfolio ekuiti yang terdiri daripada ekuiti yang tersenarai untuk kedua-dua pasaran domestik dan global serta ekuiti persendirian. Kelas aset ini meningkat daripada RM251.60 bilion kepada RM269.63 bilion pada Disember 2014. Sungguhpun portfolio domestik menunjukkan peningkatan, portfolio luar negara berkembang pada kadar lebih cepat dengan ekuiti yang tersenarai dan ekuiti persendirian masing-masing menerima suntikan tambahan USD2,687 juta dan USD748 juta pada tahun ini.

Kelas aset ini mencatatkan pendapatan kasar sebanyak RM22.91 bilion iaitu 58.63% daripada jumlah pendapatan pelaburan kasar KWSP bagi tahun 2014. Jumlah itu adalah RM3.39 bilion atau 17.4% lebih tinggi daripada RM19.52 bilion yang dicatatkan pada tahun 2013. Hampir separuh daripada jumlah ini disumbangkan oleh pelaburan luar negara bagi kedua-dua ekuiti tersenarai dan persendirian.

Walaupun pendapatan pelaburan kasar bagi kelas aset ekuiti mencatatkan pertumbuhan tahunan dua angka, peningkatan dalam saiz pelaburan sebanyak 7.2% atau RM18.03 bilion menyebabkan penyusutan ROI daripada 11.31% pada 2013 kepada 11.29% pada tahun 2014. Walau bagaimanapun tahun 2014 adalah tahun keempat bagi kelas aset ini mencatatkan ROI dua digit.

INSTRUMEN PASARAN WANG

Walaupun KWSP mensasarkan untuk meminimumkan pegangannya dalam instrumen pasaran wang agar dapat mengoptimumkan pulangan, namun KWSP sedar akan perlunya untuk mengekalkan baki tunai untuk menampung pengeluaran ahli, perbelanjaan pentadbiran dan pembiayaan pelaburan. Pada akhir tahun 2014, sejumlah RM23.67 bilion atau 3.7% dari jumlah aset KWSP telah dilaburkan dalam instrumen pasaran wang yang menjana ROI 3.04% dan pendapatan kasar sebanyak RM620 juta.

HARTANAH & INFRASTRUKTUR

Sebahagian daripada strategi pelaburan KWSP bagi tahun 2014 dan mendatang adalah untuk meningkatkan lagi pendedahan dalam kelas aset inflasi yang terdiri daripada hartanah, infrastruktur dan sumber semula jadi. Pada tahun 2014, kelas aset ini telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 33.3% atau RM4.79 bilion daripada RM14.39 bilion kepada RM19.18 bilion pada 2014. Keadaan ini didorong oleh pertumbuhan dalam pelaburan hartanah luar negara di mana sejumlah USD1,444 juta suntikan dana baru disalurkan dalam portfolio ini sepanjang tahun 2014.

Sebahagian besar pelaburan dalam kelas aset ini adalah melalui pelaburan dalam syarikat bersekutu dan subsidiari KWSP, yang mana pendapatan dividen daripada syarikat-syarikat ini merupakan sebahagian besar daripada pendapatan pelaburan kasar yang dicatat oleh kelas aset inflasi. Bagi tahun 2014, kelas aset inflasi mencatatkan pendapatan pelaburan kasar sebanyak RM1.39 bilion, naik sebanyak RM254 juta atau 22.3% berbanding dengan tahun 2013. Seperti pelaburan ekuiti, pertumbuhan saiz yang tinggi menyebabkan ROI kelas aset ini menyusut kepada 8.92% berbanding 9.97% pada tahun 2013.

Ulasan Perniagaan - Bahagian Operasi



DATO' MOHD NAIM DARUWISH
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Bahagian Operasi bertanggungjawab menyelia seluruh rantai nilai perkhidmatan pelanggan KWSP bermula dari pendaftaran majikan dan pekerja sehinggalah kepada bayaran caruman, pengeluaran dan penguatkuasaan. Ia turut mengendalikan pusat perhubungan KWSP serta rangkaian perkhidmatan online di samping menguruskan hartanah KWSP.


PERTUMBUHAN KWSP

Sehingga penghujung tahun 2014, ahli KWSP berjumlah 14,192,832, meningkat sebanyak 1.94% dari 13,922,194 pada 2013. Dari jumlah ini, 6,659,036 merupakan ahli aktif yang mencarum kepada KWSP. Bilangan majikan yang berdaftar dengan KWSP juga turut meningkat dari 517,062 pada 2013 kepada 530,166. Sementara itu, caruman tahunan kepada KWSP pula berjumlah RM57,171.38 juta berbanding RM53,754.53 juta pada 2013.

PRESTASI OPERASI

Pengeluaran

Sepanjang tahun 2014, KWSP telah meluluskan sejumlah 1,614,470 permohonan pengeluaran berbanding 2,060,937 permohonan pada 2013. Jumlah amaun pengeluaran menurun sebanyak 4.8% kepada RM33.78 bilion, berbanding RM35.47 bilion pada 2013.




Pengeluaran Umur 55 Tahun

KWSP telah meluluskan sejumlah 416,667 Pengeluaran Umur 55 Tahun, berbanding 355,754 pada 2013. Jumlah keseluruhan pengeluaran pada 2014 adalah sebanyak RM14.10 bilion, meningkat 6.6% dari RM13.23 bilion yang dikeluarkan pada 2013.




- ★ Sehingga penghujung tahun 2014, ahli KWSP berjumlah 14,192,832, meningkat sebanyak 1.94% dari 13,922,194 pada 2013.
- ★ Dari jumlah ini, 6,659,036 merupakan ahli aktif yang mencarum kepada KWSP.
- ★ Bilangan majikan yang berdaftar dengan KWSP juga turut meningkat dari 517,062 pada 2013 kepada 530,166.
- ★ Kadar majikan gagal mencarum menurun secara berterusan dari 2005 hingga 2014 dan kini berada pada paras 1.10%.

Ulasan Perniagaan - Bahagian Operasi (Samb.)




Pengeluaran Umur 50 Tahun

Ahli boleh mengeluarkan kesemua simpanan mereka dalam Akaun 2 pada umur 50 tahun. Pada tahun 2014, sejumlah 147,991 permohonan Pengeluaran Umur 50 Tahun telah diluluskan yang berjumlah RM3.94 bilion. Sebagai perbandingan, pada tahun 2013, sebanyak 141,193 permohonan yang berjumlah RM3.84 bilion telah diluluskan.




Pengeluaran Kesihatan

Ahli boleh mengeluarkan simpanan mereka daripada Akaun 2 untuk membiayai rawatan penyakit kritikal, sama ada untuk diri mereka sendiri atau untuk anggota keluarga terdekat, seperti pasangan, anak-anak dan ibu bapa. Sejumlah 5,136 permohonan telah diluluskan, dengan jumlah RM46.06 juta. Meningkatkan 6.8% dari RM43.13 juta pada 2013.



Pengeluaran Perumahan


Ahli boleh mengeluarkan simpanan mereka untuk membeli atau membina rumah, mengurangkan pinjaman perumahan atau membayar ansuran bulanan bagi pinjaman perumahan yang dibuat oleh mereka sendiri, atau oleh pasangan mereka. Pada 2014, KWSP telah meluluskan 382,214 permohonan untuk Pengeluaran Perumahan yang berjumlah RM5.10 bilion. Jumlah ini adalah 2.8% lebih tinggi berbanding RM4.96 bilion yang dikeluarkan pada 2013 untuk tujuan tersebut.



Pengeluaran Pendidikan

Ahli boleh mengeluarkan simpanan mereka daripada Akaun 2 untuk membiayai pendidikan mereka atau anak-anak mereka di peringkat diploma dan ke atas. Pada 2014, 77,404 permohonan telah diluluskan dengan RM372.94 juta dicatatkan, meningkat 10.3% dari RM338.14 juta pada 2013.

Ulasan Perniagaan - Bahagian Operasi (Samb.)



Pengeluaran Pelaburan

Ahli yang memiliki simpanan melebihi kuantum Simpanan Asas, yang meningkat mengikut umur, layak untuk melaburkannya dalam amanah saham yang diuruskan oleh institusi pengurusan dana luaran yang diluluskan. Pada 2014, sebanyak 439,723 permohonan pengeluaran ini telah diluluskan yang berjumlah RM7.84 bilion. Mulai 1 Januari 2014, kuantum Simpanan Asas telah ditetapkan pada RM196,800 untuk ahli yang mencecah umur 55 tahun.

Penamaan

Sekiranya ahli meninggal dunia dan masih mempunyai simpanan dalam akaun KWSP, simpanan ini akan dibayar kepada orang yang telah dinamakan oleh ahli. Bagi ahli beragama Islam, penama akan bertindak sebagai pentadbir (wasi) yang bertanggungjawab untuk mengagihkan simpanan untuk ahli keluarga yang layak mengikut Hukum Faraid. Manakala, bagi ahli yang bukan beragama Islam, penama merupakan penerima mutlak (benefisiari) kepada simpanan ahli yang meninggal dunia. Sekiranya ahli tidak menamakan sesiapa sebagai penama untuk menerima atau menguruskan akaunnya, simpanan tersebut akan dibayar kepada waris terdekat sebaik sahaja permohonan untuk mengeluarkan simpanan ahli diterima daripada waris ahli. Untuk memastikan simpanan dibayar kepada pihak yang betul dan tidak tertangguh, KWSP amat menggalakkan ahli untuk menamakan penama dengan segera dan mengemas kini penamaan mereka sekiranya perlu. KWSP sentiasa melaksanakan kempen dari semasa ke semasa untuk mengingatkan ahli akan kepentingan membuat dan mengemas kini penamaan mereka. Sehingga Disember 2014, seramai 3,860,139 ahli telah membuat penamaan.

BAGI AHLI BERAGAMA ISLAM, PENAMA AKAN BERTINDAK SEBAGAI PENTADBIR (WASI) YANG BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENGAGIHKAN SIMPANAN UNTUK AHLI KELUARGA YANG LAYAK MENGIKUT HUKUM FARAIID.

Melindungi Ahli Menerusi Penguatkuasaan

KWSP sentiasa memberi keutamaan terhadap usaha melindungi hak ahli dengan memastikan majikan memenuhi kewajipan membayar caruman bagi pihak pekerja mereka. Kami telah melaksanakan Sistem Pengurusan Penguatkuasaan menyeluruh yang membolehkan kami mengesan dan seterusnya mengambil tindakan ke atas majikan yang tidak membayar caruman mereka. Ini termasuk pemeriksaan rambang di premis majikan. KWSP juga menggalakkan pekerja untuk membuat aduan rasmi kepada KWSP, sama ada secara bertulis atau dengan mengunjungi mana-mana cawangan KWSP, sekiranya majikan mereka tidak mematuhi peraturan KWSP, dan tindakan susulan akan diambil terhadap pengurusan majikan yang terbabit. Kini, dengan pelancaran media sosial sebagai satu lagi saluran komunikasi yang bersifat interaktif dan cekap, bilangan laporan yang diterima melalui saluran ini daripada pekerja terhadap majikan yang gagal mencarum semakin meningkat.



Rangka kerja penguatkuasaan KWSP termasuk mengambil tindakan undang-undang seperti yang diperuntukkan di bawah Akta KWSP 1991. Ini termasuk mendakwa majikan yang gagal mencarum, mengambil tindakan sivil terhadap mereka dan menghalang pengarah syarikat yang dikenal pasti daripada meninggalkan negara. Hasil daripada usaha berterusan untuk menguatkuasakan Akta KWSP, dan tindakan penguatkuasaan yang bukan berbentuk undang-undang, kadar majikan gagal mencarum menurun secara berterusan dari 2005 hingga 2014 dan kini berada pada paras 1.10%.

Pada 2014, KWSP berjaya mengutip tunggakan caruman berjumlah RM2.75 bilion daripada majikan yang gagal mencarum. Daripada jumlah ini, RM37.61 juta diperoleh menerusi tindakan pendakwaan di mahkamah ke atas 4,800 majikan yang gagal mencarum (majikan yang didapati bersalah ini juga dikenakan denda berjumlah RM1.0 juta oleh mahkamah); RM67.15 juta dikumpulkan daripada 1,225 saman sivil yang difailkan terhadap syarikat yang didapati bersalah dan pengarah masing-masing; RM23.86 juta daripada tindakan menyekat 1,191 pengarah dari meninggalkan Malaysia dan RM2,616.58 juta daripada tindakan penguatkuasaan yang bukan berbentuk perundangan.

Ulasan Perniagaan - Bahagian Operasi (Samb.)

FOKUS ARTIKEL

Memberikan Pengalaman Pelanggan Yang Terbaik Kepada Ahli

KWSP telah melalui transformasi yang besar sepanjang sedekad lalu dalam penyampaian perkhidmatan. Dengan memanfaatkan teknologi digital, KWSP telah merevolusi kaedah berinteraksi dengan pelanggan dengan fokus untuk mewujudkan dan memberikan nilai tambah kepada mereka. Walaupun banyak perubahan telah dilaksanakan, usaha berterusan masih berjalan untuk memastikan KWSP memenuhi ekspektasi ahli yang meningkat serta mahukan perkhidmatan yang profesional dan 24x7. Pada 2012 KWSP telah merangka pelan strategik lima tahun yang menasaskan kecemerlangan perkhidmatan. Selaras dengan rancangan ini, tiga tahun berikutnya bakal menyaksikan beberapa perubahan menyeluruh di KWSP di mana KWSP akan menggunakan lebih banyak e-perkhidmatan.

Fokus Jangka Panjang: Transformasi Perkhidmatan

Transformasi perkhidmatan pelanggan KWSP telah bermula sejak 2007 semasa KWSP melaksanakan program Perkayasa Semula Proses Perniagaan (BPR) bagi memantapkan keberkesanan dan kecekapan KWSP dalam menyampaikan perkhidmatannya. Transformasi ini adalah berpandukan demografi sosial untuk mengguna pakai teknologi yang paling sesuai dengan perubahan profil dan gaya hidup pelanggan KWSP selaras dengan organisasi terbaik dalam sektor swasta dan awam.

Pada Disember 2014, Gen Y mewakili 62.7% (4.23 juta) ahli aktif KWSP. Menjelang 2020, KWSP menjangkakan seramai 10.27 juta ahli akan berada dalam kumpulan yang berpengetahuan luas mengenai teknologi ini, di mana 7.86 juta merupakan ahli aktif. Bilangan ini jelas memperlihatkan KWSP perlu meningkatkan penggunaan teknologi yang berupaya menawarkan perkhidmatan cepat dan kemudahan yang boleh dicapai pada bila-bila masa dan di mana sahaja melalui telefon atau online.

Hari ini pelanggan KWSP telah bersedia dan boleh melakukan transaksi secara online. Pada Disember 2014, 76.02% ahli melakukan transaksi online melalui i-Akaun dan Kios, berbanding 23.98% yang lebih gemar saluran perkhidmatan bukan layan diri. Jumlah ini tidak termasuk pengguna yang mencapai portal myEPF untuk mendapatkan maklumat dan memuat turun borang.

Kemudahan Pelanggan: Strategi Perkhidmatan Omni


KWSP menawarkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang memenuhi profil dan keperluan pelanggan yang berbeza. Pelanggan yang lebih tradisional boleh memilih untuk mendapatkan perkhidmatan melalui saluran layanan peribadi seperti menerusi pusat perhubungan dan kaunter, manakala mereka yang celik IT boleh memilih untuk menggunakan saluran layan diri KWSP seperti myEPF, i-Akaun, aplikasi mudah alih dan kios. Matlamat utama KWSP adalah pelanggan yang tidak menggunakan perkhidmatan layan diri agar beralih kepada saluran perkhidmatan online, supaya mereka mendapat manfaat daripada kepantasan, ketepatan, jaminan keselamatan dan penyelesaian saluran ini, kerana hanya dokumen sokongan dan borang minimum diperlukan.

Perkhidmatan Pelanggan: Saluran Sokongan

KWSP mengguna pakai metodologi Lean Six Sigma dan Design Thinking untuk membasmikan pembaziran dan mengurangkan variasi, lantas dapat menambah baik kecekapan serta prestasi perniagaan.

Demi memenuhi matlamat ini, KWSP telah mewujudkan perkongsian menang-menang dengan empat agensi kerajaan, 18 bank dan 10 universiti bagi mempercepatkan proses pengeluaran, pengkreditan terus bayaran pengeluaran dan caruman majikan. Dengan memanfaatkan perkongsian teknologi perkhidmatan, data dapat disahkan dengan lebih mudah, pantas dan murah kerana ia diperoleh secara terus daripada pihak ketiga yang berkaitan. Pendekatan ini akan mengurangkan bilangan proses manual dan kesilapan menginput data.

Apabila proses kerja diperkemas, diinovasi dan ditransformasi bersama dengan teknologi, pekerjaan tertentu akan lenyap dan terhasil pula pekerjaan baharu seperti bidang penasihat persaraan, analisis perniagaan dan pemasaran produk. Sebagai persediaan menghadapi proses evolusi semula jadi ini, KWSP akan melabur lebih dalam pembangunan kecekapan dan keupayaan profesional anggota KWSP agar dapat memikul tanggungjawab baharu ini.



Senarai Perkhidmatan online yang ditawarkan melalui saluran masing-masing

Ulasan Perniagaan - Bahagian Operasi (Samb.)

FOKUS ARTIKEL

e-Perkhidmatan

Pencapaian bersejarah dicapai, menerusi pelancaran e-Caruman, yang merupakan produk pertama yang membantu majikan menghantar dan membuat bayaran bulanan melalui i-Akaun. Perkhidmatan ini mengintegrasikan sistem KWSP dengan saluran pembayaran pihak bank secara pantas dan cekap. Sejak diperkenalkan, bilangan pengguna e-Caruman telah meningkat daripada 200 pada Januari 2013 kepada 243,269 pada Disember 2014. Daripada 530,166 majikan kini, KWSP menjangkakan 80% akan beralih kepada e-Caruman menjelang 2016.

Sambutan baik yang diterima untuk e-Caruman memberi motivasi kepada kami untuk terus melakukan penambahbaikan agar ia lebih mesra pengguna menerusi saluran pembayaran baharu, fungsi dan skrin tambahan, di samping menyediakan kemudahan demonstrasi penggunaannya secara online.

Sebuah lagi kejayaan cemerlang telah dicipta pada Jun 2013 dengan pengenalan pengeluaran online yang dikenali sebagai e-Pengeluaran. Untuk projek perintis ini, KWSP telah menjalinkan kerjasama dengan RHB Bank dan ia berfokus kepada dua jenis pengeluaran - Pengeluaran Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan serta Pengeluaran Mengurangkan / Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan. Setakat Disember 2014, sejumlah 1,199 permohonan e-Pengeluaran telah diluluskan, di mana 88% adalah Pengeluaran Ansuran Bulanan Pinjaman Perumahan dan baki 12% adalah untuk Mengurangkan / Menyelesaikan Baki Pinjaman Perumahan.

Keseluruhan proses e-Pengeluaran dilakukan online. Bagi tujuan keselamatan, ahli masih perlu mengesahkan identiti mereka dengan melakukan pengesahan cap ibu jari di mana-mana pejabat KWSP. Pada penghujung 2014, perkhidmatan e-Pengeluaran telah diperluaskan kepada pelanggan Maybank, manakala bank utama yang lain akan dihubungkan kepada sistem online ini menjelang penghujung 2016.

Oktober 2015 bakal menyaksikan satu lagi fasa baharu di KWSP apabila pengeluaran online untuk pendidikan dan kesihatan akan ditawarkan kepada ahli. Buat masa ini perbincangan sedang dijalankan dengan Universiti Terbuka Malaysia (OUM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), e-Universiti Asia dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) bagi menyepadukan sistem mereka dengan KWSP. Manakala bagi pengeluaran kesihatan, antara hospital yang telah dikenal pasti untuk menjalin perkongsian pintar ialah Institut Jantung Negara Malaysia (IJN), Pusat Perubatan Pantai, Gleneagles serta KPJ.

| 1. Fungsi: Mengutip Bayaran Caruman | Pihak Ketiga |
|--|--|
| <p>Perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bayaran kaunter • Kios Bayaran (Public Bank sahaja) • Perbankan Internet • e-Caruman • Database look-up • Pemindahan wang secara elektronik • Pemprosesan cek • Kutipan peti mel • Bayaran Bil secara online | <p>Bank-Bank</p> <p>Maybank, Public Bank, RHB, CIMB Bank, BSN, Ambank, Citibank, UOB, Hong Leong Bank, OCBC, HSBC, Bank Islam Malaysia Berhad, Alliance Bank, Affin Bank, Deutsche Bank, Kuwait Finance House</p> |

| | |
|--|---|
| <p>2. Fungsi: Kios Pintar KWSP</p> <p>Perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mencetak Penyata Ahli • Pendaftaran i-Akaun | <p>Pihak Ketiga</p> <p>Bank-Bank</p> <ul style="list-style-type: none"> • Public Bank, CIMB, Ambank, RHB, Citibank, UOB, HSBC, Maybank, Hong Leong Bank, OCBC, Standard Chartered • Malaysia Building Society Berhad • Courts • Institut Jantung Negara (IJN) • Permodalan Nasional Berhad (PNB) • AEON Credit |
| <p>3. Fungsi: Pengesahan pinjaman secara online untuk pengeluaran perumahan</p> <p>Perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran ansuran bulanan pinjaman perumahan • Pengeluaran mengurangkan / menyelesaikan baki pinjaman perumahan • Pengesahan pinjaman perumahan secara online untuk pengeluaran perumahan • Pengeluaran Perumahan Fleksibel • Laporan online oleh Panel Peguam | <p>Pihak Ketiga</p> <p>Institusi Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • RHB Bank • Maybank, Public Bank, Hong Leong Bank • Panel Peguam |
| <p>4. Fungsi: Pengkreditan terus bayaran pengeluaran</p> <p>Perkhidmatan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengkreditan terus bayaran pengeluaran ke dalam akaun ahli • Pengkreditan terus bayaran pengeluaran perumahan kepada pihak bank • Pengkreditan terus bayaran pengeluaran kepada institusi pengajian tinggi dan penyedia pinjaman | <p>Pihak Ketiga</p> <p>Institusi Kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Maybank, Public Bank, RHB, CIMB, Bank Simpanan Nasional, Ambank, Citibank, UOB, Hong Leong Bank, OCBC, Alliance Bank, Affin Bank, Bank Islam Malaysia Berhad, Bank Muamalat, Bank Rakyat, HSBC, Standard Chartered, Kuwait Finance House <p>Institusi Pengajian Tinggi</p> <ul style="list-style-type: none"> • Universiti Teknologi MARA (UiTM), Universiti Malaya (UM) / University of Malaya (UM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) / International Islamic University Malaysia (IIUM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) / National Defence University of Malaysia (UPNM), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Universiti Terbuka Malaysia / Open University Malaysia, Universiti Multimedia Malaysia (MMU) / Multimedia University Malaysia (MMU), Asia e University (AeU), Kolej Universiti Islam Sains (KUIS) <p>Penyedia Pinjaman Pendidikan</p> <ul style="list-style-type: none"> • PTPTN |

Ulasan Perniagaan - Bahagian Operasi (Samb.)

FOKUS ARTIKEL

| | |
|--|--|
| 5. Fungsi Lain: <ul style="list-style-type: none"> • Pengesahan ahli • Penguatkuasaan • Pelepasan caruman bahagian kerajaan • Pendaftaran majikan • Pengeluaran haji • Pendaftaran ahli secara online oleh majikan melalui laman web eKL | Pihak Ketiga |
| Perkhidmatan: <ul style="list-style-type: none"> • Pangkalan data untuk mengenal pasti ahli • Pengarah dihalang daripada meninggalkan negara • Pengeluaran pencen • MyCoID – merujuk kepada nombor pemerbandan syarikat yang digunakan sebagai satu nombor rujukan tunggal untuk pelbagai urusan pendaftaran dan transaksi dengan agensi Kerajaan yang berkenaan • eKL | Agensi Kerajaan <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) • Jabatan Imigresen • Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) • Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) • MAMPU • Lembaga Tabung Haji |

Jadual: Integrasi bersama Pihak Ketiga

Dengan memanfaatkan tahap pemilikan tinggi telefon pintar, KWSP telah membangunkan aplikasi yang boleh dimuat turun secara percuma dari Google Play Store dan Apple App Store. Aplikasi Mudah Alih KWSP membolehkan ahli yang memiliki i-Akaun mencapai penyata terbaru mereka pada bila-bila masa dan di mana sahaja mereka berada. Dilancarkan pada Februari 2014, jumlah muat turun di Google Play Store ialah 174,083 dan 46,600 di Apple App Store setakat Disember 2014. Aplikasi ini mempunyai pelbagai fungsi seperti berita terkini, caruman dan pengeluaran KWSP, kalkulator pelaburan serta butiran mengenai Pusat Perhubungan KWSP. Di samping itu, aplikasi ini turut dilengkapi teknologi GPS untuk membantu ahli mengenal pasti lokasi tepat pejabat KWSP di seluruh Malaysia. Lebih banyak perkhidmatan lain akan ditawarkan tidak lama lagi.



Aplikasi Mudah Alih EPF i-Akaun

Dengan menginovasi kemudahan Kios, KWSP telah menjalin kerjasama dengan pihak bank untuk mereka cipta sebuah peranti bijak *handheld* yang berupaya mencetak penyata selepas cap ibu jari ahli disahkan. Teknologi baharu ini membantu pihak bank dan KWSP mempercepatkan proses kerja mereka.



The handheld machine

Pasukan Penguatkuasaan pula telah memulakan projek Pejabat Bergerak untuk Pengurusan Majikan. Ini membolehkan pegawai pemeriksa memperoleh capaian terhadap semua sistem dan aplikasi KWSP pada bila-bila masa, di mana-mana sahaja dan pada mana-mana peranti dengan menggunakan teknologi *Virtual Desktop Infrastructure (VDI)*. Pada masa yang sama, ia membolehkan pegawai pemeriksa menjadi Pusat Perhubungan Utama bagi majikan. Pada 2014, projek perintis ini telah dilaksanakan di sembilan cawangan, dan akan dipertuaskan kepada cawangan lain dan pengguna, yang terdiri daripada pegawai pemeriksa dan pasukan perkhidmatan bergerak (*Mobile Service Team*).



Virtual Desktop Infrastructure (VDI) technology

Untuk menambah baik kecekapan operasi, Anugerah Inisiatif Terbaik telah dilancarkan pada 2013, untuk mengiktiraf produk dan perkhidmatan inovatif, serta memberi galakkan kepada jabatan agar mencipta proses baharu yang lebih berkesan. Anugerah ini berjaya menarik penyertaan 16 buah jabatan yang telah mempertandingkan 35 produk inovatif dan enam daripadanya telah disenarai pendek untuk mara ke peringkat akhir. Memandangkan pertandingan ini telah mendapat sambutan yang positif, ia telah diadakan sekali lagi pada 2014.

ANUGERAH INISIATIF TERBAIK (AIT)

PERLAKSANAAN

- Diperkenalkan pada tahun 2013
- Penglibatan 16 Jabatan

SENARAI PEMENANG 2014

- Tempat Pertama: Pendaftaran i-Akaun Ahli dan Majikan (Jabatan Rangkaian Perkhidmatan dan Pusat Pengurusan Perhubungan)
- Tempat Kedua: Smart FAQ (Jabatan Penguatkuasaan dengan Perkongsian Bersama EPF Learning Centre)
- Tempat Ketiga: *Paperless Meeting* (Jabatan Undang-Undang)

HADIAH

- Tempat Pertama: RM7,000, piala dan sijil
- Tempat Kedua: RM5,000, piala dan sijil
- Tempat Ketiga: RM3,000, piala dan sijil



Pemenang Anugerah Inisiatif 2013

Ulasan Perniagaan - Bahagian Strategi



TUNKU ALIZAKRI RAJA MUHAMMAD ALIAS
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif

Bagi mencapai Visi dan Misi organisasi, Bahagian Strategi KWSP perlu memastikan kesediaan organisasi untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan pihak berkepentingan KWSP.

PENGENALAN

KWSP berhasrat untuk menjadi sebuah organisasi keselamatan sosial bertaraf dunia yang menyediakan simpanan persaraan yang terbaik bagi rakyat Malaysia. Untuk mencapai hasrat ini, KWSP telah merangka pelan yang lengkap dan bersepadu untuk jangka panjang serta mekanisme strategi bagi memastikan dasar dan infrastruktur yang terbaik dapat disediakan bagi melaksanakan inisiatif utamanya.

STRATEGI ORGANISASI DAN PERANCANGAN INFRASTRUKTUR

KWSP mempunyai proses yang kukuh bagi merangka dan memantau pelaksanaan strategi dalam Pelan Strategi Lima Tahun 2013-2017. Setakat ini, keputusan positif telah dicapai dengan pengenalan beberapa inisiatif seperti perkhidmatan online dan khidmat nasihat persaraan. Inisiatif tersebut akan memastikan KWSP dapat memberikan pulangan pelaburan yang konsisten pada kos yang berkesan.

Pada 2014, KWSP telah memperkenalkan Pelan Korporat Tahunan 2015 (ACP 2015) yang menerangkan dengan lebih terperinci rangka kerja strategik dan inisiatif yang akan dilaksanakan pada tahun tersebut. ACP 2015 juga merupakan pelan rujukan utama yang akan mengukuhkan proses pengurusan strategi dengan menggabungkan perancangan bajet dan sumber yang menjurus kepada langkah pelaksanaan yang komprehensif.

Di bawah ACP 2015, lima bidang fokus jangka panjang dikenal pasti sebagai kritikal kepada KWSP untuk mencapai hasrat korporatnya. Teras pelan ini mencakupi kecemerlangan pelaburan, kecemerlangan perkhidmatan pelanggan dan penambahbaikan proses, kecemerlangan keselamatan sosial, kecemerlangan modal insan dan kecemerlangan teknologi maklumat.

Dari segi tadbir urus, dua jawatankuasa di peringkat pengurusan telah ditubuhkan iaitu Majlis Strategi dan Majlis Pengurusan Bakat yang diperkenalkan pada 2014 untuk memantau pembangunan dan pelaksanaan strategi KWSP.

Majlis Strategi diperkenalkan untuk membantu Jawatankuasa Strategi Lembaga yang bertanggungjawab untuk merancang, memantau dan memastikan pelaksanaan Pelan Strategik. Majlis Pengurusan Bakat pula memainkan peranan sebagai pelaksana mekanisme pembangunan modal insan seperti pelan penggantian dan pembangunan bakat.

Dari segi pelaksanaan strategi KWSP, kami menggunakan Kad Skor Seimbang (*Balanced Scorecard*) untuk mengukur prestasi di bawah empat perspektif iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalaman dan Keupayaan Organisasi. Setiap perspektif mengandungi beberapa strategik objektif (SO) yang dimiliki serta diterajui oleh jabatan-jabatan tertentu dengan petunjuk prestasi utama (KPI). KPI merupakan petunjuk dan memberikan data yang kukuh serta boleh diukur kepada organisasi untuk memantau prestasi setiap inisiatif yang akan dilaksanakan. Sebanyak 12 SO dan 23 KPI dalam Kad Skor Korporat KWSP 2014. KWSP berjaya mendapat sebanyak 8.93 mata untuk Kad Skor Korporat di mana 2.26 mata melebihi sasaran yang ditetapkan bagi 2014.







★ Komunikasi online dan media sosial telah membantu KWSP mendekati khalayak sasaran dengan pantas dan lebih mudah. KWSP mengeluarkan siaran berita selain iklan dan post di Facebook / Twitter berita terkini mengenai perkhidmatan KWSP seperti pelancaran aplikasi mudah alih i-Akaun, e-Caruman, Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) serta meningkatkan kesedaran Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M) sebagai pilihan simpanan persaraan bagi mereka yang bekerja sendiri, suri rumah dan pemilik perniagaan.

★ Setakat 31 Disember 2014 peminat laman Facebook KWSP mencecah 506,827 peminat, dengan purata pertumbuhan 28,628 peminat baru setiap bulan.

Ulasan Perniagaan - Bahagian Strategi (Samb.)

KWSP menggunakan Kad Skor Seimbang sebagai kaedah terpenting untuk mengukur prestasinya berteraskan empat perspektif utama, iaitu Pelanggan, Kewangan, Proses Dalam dan Keupayaan Organisasi. Setiap perspektif terdiri daripada beberapa Objektif Strategik (SO) yang dimiliki serta diterajui oleh jabatan tertentu, manakala setiap SO mempunyai Indeks Prestasi Utama (KPI) masing-masing bertindak sebagai petunjuk dengan memberi data yang konkrit dan boleh diukur. Bagi Kad Skor Korporat 2014, KWSP mempunyai 12 SO dan 23 KPI.

| Kad Skor Korporat KWSP 2014 | | Sasaran (%) | Pencapaian (%) |
|---|-------------|--|--|
|  PERSPEKTIF PELANGGAN | S01 | Meningkatkan Perkhidmatan Pelanggan KPI1 Penarafan Kepuasan Pelanggan | 93 94.88 |
| | S02 | Meningkatkan Tadbir Urus Korporat KPI2 Indeks Tadbir Urus Korporat KPI3 Penarafan Audit Kerajaan | 92 4 96 4 |
| | S03 | Memastikan Persaraan Ahli Terjamin KPI4 Peratusan ahli aktif berusia 54 tahun dengan simpanan asas (RM196,800) KPI5 Peratus ahli berusia 55 tahun menyertai Skim Pengeluaran Fleksibel | 20 28 22 29 |
|  PERSPEKTIF KEWANGAN | S04 | Mengoptimumkan Pulangan Pelaburan Berdasarkan Risiko KPI6 Pulangan Pelaburan Berdasarkan Risiko KPI7 Kadar Dividen Sebenar untuk Tempoh Tiga Tahun Berturut-turut | <0.125 2 0 4.11 |
| | S05 | Menyediakan Pengurusan Kos Efektif KPI8 Perbelanjaan Purata bagi setiap Aset di bawah Pengurusan (AUM) | 0.28 0.268 |
|  PERSPEKTIF PROSES DALAM | S06 | Penambahbaikan Proses Berterusan KPI9 Indeks Kecekapan Proses Teras KPI10 Indeks Kadar Kesilapan Proses Teras | 95 1.00 97.63 0.58 |
| | S07 | Meningkatkan Komunikasi Strategik kepada Pemegang Berkepentingan KPI 11 Program dan Aktiviti Komunikasi KPI12 Penarafan Keberkesanan Komunikasi | 80 80 82.6 88.32 |
| | S08 | Meningkatkan Input Strategik kepada Kerajaan KPI13 Bilangan Inisiatif Kerjasama Strategik dengan Kerajaan / Agensi Kerajaan KPI14 Bilangan Cadangan Penambahbaikan Polisi kepada Kementerian Kewangan dan / atau Kementerian yang Berkaitan | 3 4 6 4 |
| | S09 | Pengurusan Risiko Strategik dan Pematuhan yang Berkesan KPI15 Penarafan Risiko Korporat KPI16 Penarafan Audit Dalam | 5.29 90 5.57 95.5 |
|  PERSPEKTIF KEUPAYAAN ORGANISASI | S010 | Memantapkan Budaya Korporat KPI17 Penarafan Budaya Korporat KPI18 Peratus Penyertaan Kakitangan dalam Program / Aktiviti Budaya Korporat | 83 83 89.16 83.56 |
| | S011 | Memantapkan Pembangunan Modal Insan KPI19 Indeks Ketersediaan Sumber Manusia KPI20 Peratus Jawatan Utama (HOD) dengan Pelan Penggantian | 75 85 81.71 100 |
| | S012 | Meningkatkan Kemampuan Informasi dan Teknologi Maklumat (ICT) KPI21 Kadar Ketersediaan Sistem KPI22 Kadar Prestasi Sistem KPI23 Indeks Ketersediaan (Pengupayaan) ICT | 99.50 95 6.67 98.72 94.74 5.48 |

Dengan proses dan struktur tadbir urus yang dilaksanakan, Kad Skor Korporat ini membolehkan KWSP menangani isu-isu dengan lebih komprehensif dan strategik bagi memastikan ia mendapat keputusan yang dikehendaki. Namun, proses dan struktur ini sahaja tidak mencukupi sekiranya mesej tersebut tidak disampaikan sepenuhnya kepada anggota KWSP seramai 5,452 orang. Oleh itu, KWSP telah mengambil beberapa tindakan termasuk meningkatkan jumlah sesi perkongsian pengetahuan dan aktiviti agar hasrat korporat ini dapat disampaikan dengan jelas dan konsisten. Disokong oleh nilai yang kukuh serta persekitaran dan budaya yang sihat, KWSP telah menetapkan visinya untuk menjadi organisasi yang berjaya serta kekal relevan kepada pihak berkepentingan.

Ulasan Perniagaan - Bahagian Strategi (Samb.)

FOKUS UTAMA PADA 2014

KWSP telah mengenal pasti fokus isu utama pada 2014 untuk terus menambahbaik prestasinya:

- Menangani ketidakcukupan simpanan persaraan ahli.
- Menangani dan memenuhi ekspektasi ahli serta persepsi orang awam.
- Memastikan infrastruktur modal insan yang kukuh serta relevan dengan masa kini.
- Mengukuhkan infrastruktur IT moden seiring dengan industri.

a) Menangani ketidakcukupan simpanan persaraan ahli

Malaysia dijangka akan menjadi negara menua menjelang 2030 (di mana 14% penduduk berumur 60 tahun dan ke atas). Ditambah dengan jurang perbezaan yang meningkat antara umur persaraan dan jangka hayat ia jelas memperlihatkan akan terdapatnya keperluan mendesak terhadap polisi di peringkat negara dan sebuah infrastruktur yang perlu ada sebagai tambahan kepada simpanan KWSP. Setakat 31 Disember 2014, hanya 33% ahli aktif mencapai Simpanan Asas RM196,800 (RM820 sebulan bagi tempoh 20 tahun). Permasalahan ini dibuktikan dengan data KWSP yang menunjukkan, setakat 31 Disember 2014, 68% ahli yang berumur 54 tahun mempunyai kurang daripada RM50,000 dalam akaun KWSP mereka. Dengan jumlah simpanan yang kecil ini, ramai yang hanya akan dapat bertahan untuk tempoh lima tahun selepas mereka bersara, dengan andaian mereka tidak mempunyai sumber pendapatan yang lain.

Walaupun pada kadar 23%, Malaysia dikira sebagai negara kelima paling tinggi di dunia yang menawarkan kadar caruman, ia masih tidak mencukupi bagi menampung kos hidup yang dijangka semakin tinggi di masa hadapan. Kaedah alternatif amat diperlukan untuk memastikan simpanan mencukupi di peringkat awal bagi persaraan yang selesa.

KWSP telah mencadangkan pembentukan Pasukan Khas Keselamatan Sosial Kebangsaan yang terdiri daripada kementerian-kementerian, agensi-agensi dan pihak berkepentingan dalam keselamatan sosial yang utama, di mana mereka akan melaporkan kepada Majlis Ekonomi Malaysia yang ditugaskan untuk memberi cadangan holistik kepada Kerajaan bagi menangani isu keselamatan sosial. KWSP sukacitanya melaporkan bahawa Kerajaan memberi perhatian terhadap tindakan yang dibuat oleh KWSP dan masih di dalam proses untuk memuktamadkan pembentukan NSST.

KWSP berpandangan ahli perlu diberi bantuan untuk membuat keputusan yang tepat, dan ini boleh dicapai melalui inisiatif celik kewangan yang berkesan. Pada 2014, KWSP telah memperkenalkan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) di cawangan Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Projek perintis ini, mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang awam dan akan diperluaskan kepada enam cawangan di seluruh negara pada 2015.

b) Menangani dan memenuhi ekspektasi ahli serta persepsi orang awam

Tanggungjawab menguruskan dan mengekalkan tahap keyakinan serta kepercayaan terhadap KWSP sebagai organisasi yang menguruskan dana persaraan untuk lebih 14 juta ahlinya bukanlah mudah. Bagi menguruskan reputasi KWSP, pihak pengurusan sedar akan kepentingan kombinasi penggunaan saluran am serta platform media sosial dalam menentukan ketepatan maklumat yang disampaikan secara berkesan kepada pelbagai segmen demografi.

Senario hubungan KWSP dengan pihak berkepentingan juga telah berubah di mana memberikan kenyataan media sahaja adalah tidak mencukupi. Ini kerana usaha memupuk perhubungan rapat bersama mereka merupakan satu kemestian masa kini. Sebagai contoh, Jabatan Hal Ehwah Korporat telah distruktur semula selaras dengan keperluan mengurus pihak berkepentingan secara lebih proaktif menerusi pelbagai platform. Selain itu, penyusunan semula penjenamaan telah dilaksanakan melalui penubuhan Seksyen Penjenamaan dan Komunikasi Pemasaran pada Mei 2014 bagi menyelaras dan memperkukuhkan jenama KWSP. Dengan memanfaatkan peranan media tradisional dan baru, KWSP dapat menghantar mesejnya dengan lebih berkesan kepada kumpulan sasaran berdasarkan kepada keperluan khusus kumpulan pihak berkepentingan KWSP yang pelbagai.

Pada tahun 2014, KWSP memperkenalkan rekabentuk iklan yang baru bagi semua kempen periklanannya serta memperluaskan skop pembelian media seperti saluran online telah membuka lembaran baru untuk berhubung dengan ahli KWSP yang giat di alam siber. Dengan mengambil kira 62.7% ahli KWSP adalah Gen-Y, langkah yang diambil ini memberikan kesan positif di mana mesej kempen periklanan berjaya disampaikan kepada lebih 10 juta penonton melalui media tradisional serta menerima purata 20 juta *online impressions* untuk setiap kempen. Mesej utama yang akan terus ditekankan ialah, persaraan bukan lagi merupakan perkara berkaitan dengan warga tua dan tindakan perlu diambil seawal mungkin.


Komunikasi online dan media sosial telah membantu KWSP mendekati khalayak sasaran dengan pantas dan lebih mudah. Saluran ini juga membolehkan KWSP berhubung dengan ahli secara terus, di mana maklum balas dan pertanyaan mereka adalah penting bagi KWSP untuk kekal relevan. Sebagai contoh, selain iklan dan *post* di Facebook / Twitter KWSP turut mengeluarkan siaran berita terkini perkhidmatan KWSP seperti pelancaran aplikasi mudah alih i-Akaun, e-Caruman, Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) serta meningkatkan kesedaran kewujudan Skim Persaraan 1Malaysia (SP1M) sebagai pilihan simpanan persaraan bagi mereka yang bekerja sendiri, suri rumah dan pemilik perniagaan.

Pengumuman prestasi suku tahun KWSP turut menggunakan video dan infografik adalah untuk memudahkan maklumat yang kompleks agar ahli KWSP yang lebih muda dapat memahami maklumat yang ingin disampaikan. KWSP turut memuatnaik laporan ini di laman rasmi Youtube, Facebook dan Twitter KWSP serta mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan turut dikongsi oleh peminat di laman media sosial KWSP. Setakat 31 Disember 2014 peminat laman Facebook KWSP mencecah 506,827 peminat, dengan purata pertumbuhan 28,628 peminat baru setiap bulan.

Sebahagian daripada usaha menjalin kerjasama bersama pihak media, KWSP menyediakan kandungan termasuk isu eksklusif yang mendapat perhatian menggalakkan. Sebagai contoh, bagi Kempen Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) KWSP tidak hanya menyediakan kandungan bagi sesebuah artikel untuk disiarkan dalam surat khabar utama di negara ini, tetapi turut menyediakan jurucakap utama bagi temuramah eksklusif bersama media dalam pelbagai bahasa.



Kempen iklan i-Akaun bermula 23 Jun hingga 24 Julai 2014. Julung kalinya, KWSP menjalankan kempen Komunikasi Pemasaran Bersepadu yang melibatkan pelbagai platform seperti online, radio, akhbar dan majalah, papan LED out-of-home media serta iklan televisyen.



Contoh iklan kempen SP1M yang bermula 12 hingga 31 Disember 2014, meliputi platform online, akhbar dan radio bertujuan meningkatkan pendaftaran baru.



Infografik ini dimuatnaik ke laman Facebook KWSP selaras dengan penerbitan Laporan Tahunan KWSP 2013 pada April 2014.

Ulasan Perniagaan - Bahagian Strategi (Samb.)



Contoh iklan online untuk kempen Khidmat Nasihat Persaraan bermula pada 19 November hingga 31 Disember 2014.

Sebagai contoh, temuramah telah dijalankan selepas pengumuman Prestasi Pelaburan Suku Ketiga 2014 KWSP di mana Ketua Pegawai Eksekutif KWSP Datuk Shahri Rizda Ridzuan membincangkan dengan lebih lanjut mengenai prestasi KWSP dengan lebih mendalam. Sesi temuramah yang lain turut diadakan yang melibatkan Timbalan-Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif KWSP berkaitan isu pelaburan dan keselamatan sosial.

KWSP juga telah mengambil langkah proaktif dengan mencetuskan perbincangan awal mengenai konsep keselamatan sosial di kalangan komuniti media tempatan dengan menganjurkan sesi meja bulat bersama media. KWSP telah menghimpunkan jurucakap utama dan pakar-pakar industri berbincang mengenai keselamatan sosial, celik kewangan dan perubahan dalam polisi. Contohnya, pengajuran meja bulat mengenai *Demographic Changes: Recognising the Challenges and Opportunities* (Perubahan Demografi: Mengenal Pasti Cabaran dan Peluang) yang telah dianjurkan semasa Seminar Antarabangsa KWSP 2014 pada bulan September lalu.



Laporan akhbar The Sun, 9 September 2014 menunjukkan usaha awal KWSP memelopori perbincangan umum untuk mengalu-alukan kewujudan rangka kerja Keselamatan Sosial yang holistik untuk negara.

KWSP turut menyumbang artikel kepada pelbagai agensi berkaitan Kerajaan untuk memberikan pendedahan berkaitan KWSP. Setiap tahun, KWSP turut menyumbangkan artikel ringkas dalam Buletin Persatuan Keselamatan Sosial Asean (ASSA) yang merupakan jurucakap utama bagi semua organisasi keselamatan sosial dirantau ini.



Sisipan khas Minggu Malaysia Sambutan Kemerdekaan pada 31 Ogos 2014.

Pada tahun ini, KWSP turut menyumbangkan artikel ringkas bahasa Malaysia dalam edisi Khas Sisipan Hari Merdeka mengenai Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) utama di Malaysia.

c) Memastikan infrastruktur modal insan yang kukuh serta relevan dengan masa kini

Fokus pengurusan modal insan di KWSP kini lebih strategik dan mesra pelanggan dalaman berbanding hanya berdasarkan proses rutin pada masa lalu. Jabatan Modal Insan dan EPF Learning Centre (ELC) telah melalui proses penjenamaan semula bagi menggambarkan keperluan yang semakin meningkat untuk menjadi organisasi yang lebih dinamik di peringkat global. Perubahan struktur turut dilaksanakan untuk mewujudkan pelan pembangunan modal insan yang kukuh dengan penubuhan Seksyen Pengurusan Pelanggan untuk memastikan semua perkara berkaitan sumber manusia dan pembelajaran diuruskan oleh satu pusat perhubungan.


Mewujudkan Suasana Kerja yang Bertenaga dan Menggalakkan Kepelbagaian

Perubahan komposisi warga KWSP semakin ketara dengan demografi anggota KWSP terdiri daripada pelbagai latar belakang budaya dan generasi. Perkara ini telah menimbulkan dorongan untuk membangunkan dasar yang bersesuaian bagi menutup jurang generasi dan untuk membina tempat kerja yang inklusif serta harmoni, yang mana akan menggalakkan kepuasan dan keceriaan dalam kalangan anggota untuk jangka masa panjang.

Matlamat KWSP adalah untuk menarik dan mengekalkan bakat yang berkualiti melalui pengenalan kepada faedah ganjaran yang menarik dan penyelesaian-penyelesaian lain yang bertujuan untuk memberi kemudahan kepada pengurusan seharian anggota-anggotanya. Kesediaan dan perancangan sumber yang cekap sedang giat diperkembangkan dengan penglibatan semua jabatan untuk mengukur bukan sahaja keperluan semasa tetapi juga untuk jangka masa pertengahan. Fungsi tadbir urus yang sebelum ini merupakan suatu perkara yang biasa telah diambil alih oleh pihak ketiga secara beransur-ansur. Sebagai contoh, pentadbiran proses perubatan bagi anggota KWSP yang melibatkan lebih daripada 2,000 buah klinik dan hospital di seluruh negara telah diuruskan oleh PMCare.

KELAYAKAN PENDIDIKAN TERTINGGI


Membangunkan warga KWSP yang memiliki pengetahuan dan kelayakan yang lebih tinggi.



Ulasan Perniagaan - Bahagian Strategi (Samb.)

KUMPULAN EKSEKUTIF DAN BUKAN EKSEKUTIF

Keseimbangan jantina tenaga kerja KWSP.



KUMPULAN EKSEKUTIF DAN BUKAN EKSEKUTIF MENGIKUT PERINGKAT UMUR

Peringkat umur yang mendominasi Kumpulan Eksekutif adalah Generasi X iaitu 47.9% diikuti oleh Generasi Y dengan 33.72% dan *Baby Boomers* sebanyak 18.37%.

Manakala bagi Kumpulan Bukan Eksekutif, Generasi X mewakili 55.58%, diikuti oleh Generasi Y sebanyak 29.53% dan *Baby Boomers* 14.89%.



FOKUS ARTIKEL


Kepentingan Merancang Persaraan

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, keperluan untuk merancang persaraan menjadi semakin penting. Semua orang akan bersara dari pekerjaan mereka satu hari nanti. Namun, andaian mereka akan mempunyai simpanan yang cukup untuk menyara kehidupan sepanjang tempoh persaraan adalah sesuatu yang boleh dipertikaikan. Tanpa sebarang pendapatan baharu, pesara akan hanya bergantung dengan


simpanan mereka untuk meneruskan kehidupan. Di Malaysia, kebanyakan pesara tidak menyimpan dengan cukup semasa mereka bekerja kerana ingin mengekalkan gaya hidup yang pernah mereka nikmati pada hari tua. Ini bermakna mereka akan bergantung dengan bantuan daripada saudara-mara atau badan kebajikan. Namun, kedua-duanya bukan pilihan yang boleh diharapkan.

Purata Simpanan Ahli Berumur 54 Tahun (2011-2014)

Semua ahli berumur 54 tahun mengikut status



Ahli aktif berumur 54 tahun mengikut jantina



| Tahun | Ahli Aktif | | Ahli Tidak Aktif | |
|-------|------------|----|------------------|----|
| | No. | % | No. | % |
| 2011 | 62,358 | 30 | 146,172 | 70 |
| 2012 | 68,151 | 31 | 157,425 | 69 |
| 2013 | 73,168 | 30 | 160,131 | 70 |
| 2014 | 76,424 | 32 | 166,131 | 68 |

| Tahun | Lelaki | | Perempuan | |
|-------|--------|----|-----------|----|
| | No. | % | No. | % |
| 2011 | 40,004 | 64 | 22,354 | 36 |
| 2012 | 43,230 | 63 | 24,921 | 37 |
| 2013 | 45,805 | 63 | 27,363 | 37 |
| 2014 | 47,135 | 62 | 29,289 | 38 |

Di Asia, golongan dewasa akan menjaga ibu bapa mereka yang telah tua, sebahagian besarnya kerana ingin membalas jasa dan pengorbanan ibu bapa yang telah berusaha memberikan masa depan yang lebih baik kepada anak-anak mereka. Bagaimanapun, budaya ini kian terhakis disebabkan tekanan dan tuntutan hidup masyarakat moden serta kos sara hidup yang meningkat. Semakin kurang masyarakat yang bekerja

menjaga orang tua mereka, selain daripada keluarga terdekat. Perubahan dinamik ini masih ada dalam populasi menua kita. Empat daripada lima pesara pada hari ini berasa bimbang akan "menjadi miskin dan memerlukan wang", "menjadi beban kepada anak-anak mereka", "mengalami masalah kesihatan" dan "tidak mempunyai sesiapa untuk menjaga mereka".

Ulasan Perniagaan - Bahagian Strategi (Samb.)


FOKUS ARTIKEL

Isu dan Cabaran > Ketidacukupan Simpanan > Simpanan

| Lingkungan Simpanan (RM) | Ahli | Peratusan (%) |
|--------------------------|----------------|---------------|
| < 50,000 | 164,730 | 68 |
| 50,001 - 100,000 | 27,971 | 12 |
| 100,001 - 200,000 | 25,846 | 11 |
| 200,001 - 300,000 | 10,740 | 4 |
| 300,001 - 400,000 | 4,698 | 2 |
| 400,001 - 500,000 | 2,610 | 1 |
| 500,001 - 1,000,000 | 4,333 | 2 |
| > 1,000,000 | 1,627 | 1 |
| Jumlah | 242,555 | 100 |

68%
ahli berumur 54 tahun
pada Disember 2014 mempunyai kurang
daripada RM50,000

Sumber: KWSP



Hanya
33%
ahli aktif (semua umur)
mencapai simpanan asas setakat
Disember 2014

- Simpanan Asas ditetapkan pada RM196,800 untuk memberikan pendapatan bulanan sebanyak RM820 bagi tempoh 20 tahun sehingga umur 75 tahun
- RM820 ialah pencen minimum bagi kakitangan awam

Dari segi kebajikan sosial di Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memberikan RM300 sebulan kepada warga tua yang layak untuk menerima bantuan tersebut. Walaupun bantuan ini diberikan kepada mereka yang tidak mempunyai sumber kewangan yang lain, secara puratanya ia tidak cukup untuk pesara menjalani kehidupan yang selesa. Dalam erti kata lain, adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mula merancang persaraan mereka sejak awal lagi. Memandangkan rakyat Malaysia kini hidup lebih lama, mereka perlu menyimpan dengan lebih banyak berbanding dahulu kerana simpanan ini akan bertahan untuk tempoh yang lebih lama.

Sesungguhnya, pelan persaraan merupakan satu bentuk perancangan jangka panjang di mana seseorang itu akan dapat memenuhi keperluan kewangannya sepanjang tempoh persaraan dengan menyediakan manfaat maksimum daripada sumber yang tersedia. Perancangan yang baik akan memastikan gaya hidup yang diinginkan dapat dicapai semasa persaraan dengan dibantu oleh pendapatan yang cukup.

Pada masa ini, simpanan utama bagi kebanyakan rakyat Malaysia ialah simpanan yang dikumpulkan di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Walaupun, KWSP menyarankan sebanyak RM196,800 sebagai amaun minimum yang perlu ada semasa bersara, statistik KWSP pula menunjukkan hanya 22% ahli aktif yang berumur 54 tahun mencapai amaun minimum yang ditetapkan pada tahun lepas. Lebih membimbangkan lagi, 68% ahli KWSP pada umur yang sama memiliki kurang daripada RM50,000 dalam akaun mereka.

Berdasarkan umur persaraan rakyat Malaysia 60 tahun, dan jangka hayat 72.6 tahun untuk lelaki serta 77.2 tahun untuk wanita, jumlah simpanan yang diperlukan untuk meneruskan kehidupan sepanjang hayat mereka ialah sebanyak RM700 sebulan. Jumlah ini kurang daripada paras garis kemiskinan sebanyak RM830 sebulan pada 2012, seperti yang diumumkan oleh Jabatan Statistik.

Adalah penting merancang persaraan seawal yang mungkin kerana tabiat menyimpan memerlukan disiplin dan masa yang cukup. Lebih lama tempoh seseorang menyimpan, maka lebih banyak simpanan yang dapat dikumpulkan untuk persaraan. KWSP akan terus memupuk budaya merancang persaraan dengan mendidik ahli serta masyarakat menerusi pelbagai kempen komunikasi dan inisiatif lain.

Pada Julai 2014, KWSP telah melancarkan sebuah projek perintis yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan mengenai asas perancangan kewangan dan persaraan dengan menawarkan Khidmat Nasihat Persaraan (RAS) di dua buah cawangan KWSP - di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. KWSP turut menganjurkan seminar awam dan taklimat di seluruh Malaysia mengenai topik tersebut.

Selain itu, KWSP juga menggalakkan majikan mewujudkan program yang sesuai di tempat kerja untuk meningkatkan celik kewangan di kalangan pekerja mereka. Sungguhpun ini merupakan satu permulaan, KWSP percaya lebih banyak lagi perkara boleh dilakukan oleh pelbagai pihak berkepentingan untuk meningkatkan celik kewangan di kalangan rakyat Malaysia, terutamanya kesedaran mengenai kepentingan simpanan persaraan. KWSP juga akan terus menyemak, memantapkan dan mencadangkan dasar serta program baharu bagi mencapai matlamat ini. Harapan kami adalah pihak berkepentingan yang lain dapat memainkan peranan serta kerjasama antara satu sama lain demi kesejahteraan negara.

Ulasan Perniagaan - Bahagian Strategi (Samb.)

Inisiatif Pembangunan Modal Insan

KWSP memulakan transformasi pusat latihannya kepada pusat pembelajaran untuk memberikan prasarana latihan yang berstruktur dan sistematik bagi meningkatkan pengalaman pembelajaran di kalangan anggota KWSP. Pelan Tindakan Pembelajaran Korporat (CLRM), yang mengandungi kemahiran profesional dan insaniah (soft skills), memainkan peranan utama untuk memastikan semua anggota mempunyai tahap piawaian yang sama dari segi metodologi dan kandungan penyampaian. Pada 2014, sejumlah 126 sesi CLRM telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 4,429 peserta di seluruh KWSP yang mencatatkan kepuasan pelanggan sebanyak 86.97%.

Bagi memastikan semua anggota KWSP sentiasa dilengkapi dengan kemahiran teknikal terkini, Pelan Tindakan Pembelajaran Fungsian (FLRM) telah diperkenalkan. Selain itu, kaedah pembelajaran telah dipertingkatkan dengan penyediaan modul secara hands-on dan interaktif bagi mewujudkan pembelajaran berdasarkan pengalaman. Dalam konteks ini, pengurusan telah memperkenalkan kaedah pembelajaran yang pelbagai di mana 22 modul iLearning sebagai tambahan kepada kaedah pembelajaran di dalam kelas. Ini termasuk video podcasts, video tutorial dan trailer, simulasi, web dan aplikasi mudah alih serta e-Book. Bagi memastikan pengetahuan tersirat turut diadakan, rangka kerja Pengurusan Ilmu (Knowledge Management) telah diluluskan pada 2014. Enam program *K-Channel* telah dianjurkan dengan penyertaan seramai 560 orang peserta dari seluruh negara di mana 95% peserta memberikan penarafan mereka sebagai 'Baik' atau 'Cemerlang'. Hasil daripada pelbagai program pembelajaran, 97.98% anggota mencapai KPI dalam latihan mereka pada 2014.

Program Pensijilan

Bagi meningkatkan kompetensi di pelbagai jabatan, anggota yang terpilih telah berjaya menamatkan program pensijilan seperti, Certified Training Professional (CTP), Certificate in Human Resource Practice dan Certified Human Resource Business Professional. Program pensijilan baru sedang dibangunkan untuk meningkatkan kemahiran bukan eksekutif bagi memegang jawatan dan peranan lebih tinggi selaras dengan perubahan yang dialami oleh KWSP.

Pelan Penggantian

KWSP menyedari perkara utama yang perlu dititikberatkan adalah Persaraan Pegawai Pengurusan Kanan serta keperluan pengisian jawatan kosong tersebut dengan pengganti yang berpotensi di masa hadapan. Sehubungan itu, usaha awal mengenal pasti jawatan kritikal serta pengganti yang berpotensi telah dimulakan dan dijangka tindakan perlaksanaan ini akan berterusan sehingga awal tahun 2015. Pengurusan juga telah menetapkan nisbah 1:2 bagi setiap pengisian jawatan kritikal serta mengenal pasti pengganti yang telah bersedia untuk mengisi jawatan dengan serta merta.

Program 'Wellness'

Penting bagi mana-mana organisasi untuk bukan sahaja mempunyai kakitangan yang terlatih, malah sihat dari segi fizikal, mental dan emosi. Menyedari bahawa penglibatan anggota penting bagi sumbangan yang lebih baik kepada organisasi, KWSP telah memulakan satu program *wellness* yang holistik direka untuk menggalakkan anggota menjalani hidup sihat dan seimbang.

Pelbagai program berorientasikan kesihatan telah dilaksanakan pada tahun 2014 seperti Program BMI, Kelas Kecergasan, Sesi Regangan 5 Minit, Kempen Hari '0' (Hari Tanpa Gula), Hari Buah, Pemasangan Muzik Instrumental, dan *My Best Buy* Bersama KWSP dan FAMA. Usaha ini telah menerima maklum balas positif daripada anggota dan akan dikembangkan ke seluruh negara dengan tambahan beberapa modul yang memfokus kepada aspek fizikal dan mental pada tahun 2015.

d) Mengukuhkan infrastruktur IT moden seiring dengan industri

Selaras dengan perkembangan industri, KWSP telah memulakan secara beransur-ansur anjakan daripada proses kerja manual kepada proses kerja yang automatik yang meliputi pengurusan sumber manusia, pembangunan modal insan dan komunikasi dalaman.

Sistem Pengurusan Sumber Manusia (HRIS) telah dinaiktaraf untuk membolehkan semua anggota menggunakan *web server* bagi permohonan cuti, semakan penyata gaji, urusan tuntutan dan permohonan latihan. Versi HRIS 8.9 dinaik taraf kepada versi 9.1 pada 2014 dengan ciri baru untuk menguruskan data anggota KWSP, cuti, penggajian, e-Saham (pengisytiharan saham oleh anggota), e-harta (pengisytiharan aset anggota) dan permohonan untuk menyertai modul latihan. Kesemua fungsi ini boleh diakses oleh semua anggota melalui komputer mereka dengan infrastruktur *single sign on*.

Dalam bidang pembangunan modal insan, terdapat perubahan besar dalam portal e-learning termasuk enam ciri baru: 1) rekabentuk baru halaman muka; 2) naiktaraf versi 1.9 kepada 2.5; 3) mewujudkan *auto login*; 4) menyelaraskan data pengguna dengan direktori aktif; 5) Portal iLearning yang boleh diakses melalui peranti mudah alih; dan 6) mewujudkan lencana pencapaian untuk memaklumkan kepada anggota sekiranya mereka telah menamatkan modul iLearning.

Sistem intranet anggota KWSP "infoklik" telah mengalami penambahbaikan ciri-ciri seperti butiran perhubungan (contact details) mengikut jabatan, berita dan acara / majlis turut dipertingkatkan untuk memberikan rekabentuk yang baharu. Proses menaik taraf ini turut dimaklumkan kepada anggota menerusi pelan komunikasi pengurusan perubahan mengenai ciri serta fungsi baru penggunaan Sharepoint 2013 dengan ciri baru Microsoft Outlook dan perisian Microsoft Lync.